

Tindakan menambatkan RM AS beri impak lebih besar ke atas ekonomi

Ringgit tidak perlu ditambatkan

KUALA LUMPUR – Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz berkata, ringgit Malaysia (RM) tidak perlu ditambatkan kepada dolar Amerika Syarikat (AS) walaupun pada masa ini mata wang tempatan itu meneruskan trend menurun.

Katanya, tindakan menambatkan ringgit akan menyebabkan pengubahsuaian perkara lain sama ada harga atau keadaan permintaan yang akhirnya mungkin memberikan kesan lebih besar ke atas ekonomi Malaysia.



ZETI

Ketika ini, kata Zeti, kerajaan tidak merancang sebarang langkah seperti kawalan modal kerana Malaysia mempunyai



PENGUKUHAN nilai dolar Amerika Syarikat berbanding pelbagai mata wang termasuk ringgit dijangka memberi kesan kepada barangan import di Malaysia. – Gambar hiasan

INFO Ringgit berbanding Dolar AS

● Ogos 2014	AS\$1 - RM3.16
● September 2014	AS\$1 - RM3.16
● Oktober 2014	AS\$1 - RM3.17
● November 2014	AS\$1 - RM3.23
● Disember 2014	AS\$1 - RM3.28
● Januari 2015	AS\$1 - RM3.26
● Februari 2015	AS\$1 - RM3.27
● Mac 2015	AS\$1 - RM3.25
● April 2015	AS\$1 - RM3.23
● Mei 2015	AS\$1 - RM3.26
● Jun 2015	AS\$1 - RM3.22
● Julai 2015	AS\$1 - RM3.17
● Ogos 2015	AS\$1 - RM4.08
● 30 September 2015	AS\$1 - RM4.39

INFO Susut nilai mata wang

kosmo

mekanisme yang melaras kepada keadaan ekonomi tertentu.

“Apa yang mahu kita tunjukkan adalah apabila kita mempunyai asas ekonomi yang membolehkan kita melaras dan apabila ketidaktentuan berkurang, kekukuhan mata wang kita akan pulih kembali,” katanya kepada *Bernama* pada Simposium Global Peringkat Tinggi Malaysia-OECD Mengenai Kesejahteraan Kewangan di sini semalam.

Zeti berkata, penyusutan ringgit adalah disebabkan pelbagai faktor di peringkat global dan BNM akan pastikan pasaran kekal teratur.

“Bagi persekitaran domestik, kita perlu cuba menyelesaikan semua kelemahan dan ketidakpastian bagi menawarkan keyakinan kepada rakyat Malaysia dan bukan pemastautin yang terlibat dalam ekonomi dan sistem kewangan kita.

“Kita perlu berada dalam kedudukan mampu bertahan dalam tempoh seperti ini,” kata Zeti.

Mengenai kemungkinan penyusutan ringgit akan menjejaskan import, Zeti berkata, BNM belum lagi mengesan sebarang hubungan antara kedua-dua perkara itu.

“Keadaan permintaan adalah lebih penting dalam menjejaskan eksport dan import kita, tetapi saya pasti akan terdapat paras di mana ia mula memberikan kesan.

“Kita perlu memantau dan melihat maklumat yang diterima. Setakat ini rekod pencapaian dan pengalaman kita telah menunjukkan yang permintaan (global dan domestik), menjadi faktor utama

11/10/2015
mls 6

■ Apa yang mahu kita tunjukkan ialah apabila kita mempunyai asas ekonomi yang membolehkan kita melaras dan apabila ketidaktentuan berkurang, kekukuhan mata wang kita akan pulih kembali

TAN SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ



KERATAN *Kosmo!* 13 Ogos 2015.

dalam menjejaskan eksport dan import,” katanya.

Mengenai ramalan ringgit sehingga akhir tahun, Zeti berkata, ia bergantung kepada perkembangan selanjutnya kerana terdapat terlalu banyak ketidaktentuan dalam dunia ketika ini, termasuk bilakah Bank Rizab Persekutuan AS akan keluar daripada kadar faedah sifar serta harga tenaga dan komoditi.

“Kita perlu menunjukkan kita boleh terus hidup di bawah ketidaktentuan itu. Walaupun berlaku pelbagai rintangan, kita telah berulang kali menunjukkan yang kita



PERANG mata wang menyebabkan nilai ringgit menunjukkan trend penurunan tahun ini.

mampu pulih dengan agak cepat,” katanya.

Pada 13 Ogos lalu, *Kosmo!* melaporkan perang mata wang dunia selain kejatuhan harga minyak mentah menyebabkan mata wang pelbagai negara mengalami kemerosotan berbanding dolar AS.

China pada mengambil tindakan untuk menurunkan nilai mata wang Yuan bagi meningkatkan prestasi ekonominya yang merudum teruk dalam tempoh 20 tahun.

Tindakan China dianggap menimbulkan ketidaktentuan ekonomi negara lain termasuk Malaysia.

Penyusutan nilai mata wang dunia berbanding dolar AS sejak 2011-September 2015

Mata Wang	Simbol	Susut nilai (%)
Roubles Rusia	₽	113
Rupiah Indonesia	Rp	62.8
Yen Jepun	¥	48.2
Rupees India	₹	46.7
Krone Norway	kr	45.9
Ringgit Malaysia	RM	43.5
Baht Thailand	฿	20.9

Definisi Tambatan Ringgit

● Tambatan ringgit ialah satu dasar yang membolehkan nilai ringgit diikat pada mata wang yang lain atau pada suatu bakul mata wang (*basket of currencies*) untuk mengelakkan mata wang Malaysia itu naik atau turun.

● Apabila ringgit ditambat, Bank Negara Malaysia perlu mempertahankan tukaran mata wang yang ditetapkan dengan menjual atau membeli simpanan asing (*foreign reserves*).

● Jika sesebuah negara ingin mempertahankan mata wang daripada jatuh, mereka perlu menjual simpanan asing dan membeli mata wang tempatan. Jika mereka ingin mempertahankan mata wang mereka daripada naik mereka perlu membeli mata wang asing dan menjual mata wang tempatan atau dengan mencetak mata wang tempatan.